

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

RABU 20 MAC 2013

UTUSAN MALAYSIA • MUKA 5

Program Transformasi Kerajaan & Ekonomi




Pengiktirafan global kepada Malaysia

No.1

Dari segi akses kepada kemudahan kredit.

- Sumber World Bank Ease of Doing Business Report 2013.



Ke-2

Kuala Lumpur diiktiraf sebagai pusat bandar membeli-belah kedua terbaik di Asia Pasifik.

- Sumber Global Shopper Index oleh Economic Intelligence Unit.

Ke-3

Lokasi menarik bagi destinasi penyumberan luar 2011 selepas India dan China.

- Sumber Perunding Pengurusan Global ATKearney.

Ke-3

Terbaik untuk persaraan bagi tahun 2013.

- Sumber International Living Magazine.



Ke-4

Negara yang paling melindungi pelabur.

- Sumber Institute of Management Development di dalam laporan World Competitiveness Yearbook 2012/2013.

Ke-10

Destinasi menarik pelaburan asing dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Asing 2012.

- Sumber Perunding Pengurusan Global ATKearney.

Ke-12

Negara paling mesra perniagaan di dunia.

- Sumber World Bank Ease of Doing Business Report 2013.

Ke-14

Negara paling berdaya saing di dunia.

- Sumber Institute of Management Development di dalam laporan World Competitiveness Yearbook 2012/2013.

Tetap pertahan kedaulatan dari sebarang pencerobohan - Perdana Menteri 'Sabah selamanya milik kita'

um-20/3/2013

KUALA LUMPUR 19 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan bahawa Sabah selamanya merupakan sebahagian daripada Malaysia dan rakyat Sabah ialah warganegara Malaysia.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan ketuhanan wilayah Malaysia daripada sebarang pencerobohan.

"Kita tidak akan membenarkan barang seinci pun bumi Malaysia dirampas oleh sesiapa. Inilah komitmen kerajaan yang ada hari ini," katanya ketika membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) 2012 di Angkasapuri di sini malam ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menteri-menteri Kabinet dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa.

Najib menambah, insiden keganasan di Lahad Datu, Sabah menjadi semboyan peringatan bahawa soal keselamatan tidak boleh diambil mudah sama sekali.

Beliau memberitahu, keamanan dan kestabilan yang berpanjangan tidak harus menjadi sebab ketumpulan tahap kewaspadaan negara.

"Tragedi ini telah mengorbankan nyawa 10 anggota pasukan keselamatan negara. Lapan orang daripada pasukan Polis Diraja Malaysia dan mutakhir, dua anggota tentera iaitu Koperal Ahmad Hurairah Ismail dari Pasir Mas, Kelantan dan Koperal Ahmad Farhan dari Kota Bharu.

"Kita menginsafi bahawa hasil pengorbanan pahlawan-pahlawan negara ini seperti mana pada era darurat dan insurgensi telah memungkinkan kemajuan dan kemakmuran kita nikmat hingga hari ini," ujarnya.



NAJIB Tun Razak bersama para menteri kabinet selepas membentangkan Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi di Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD AZIM ABD RAHMAN

Menurut Najib, pengorbanan wira-wira negara itu bukan sia-sia, bukan kecil dan bukan untuk diperlekehkan.

Beliau mengingatkan pihak-pihak yang cuba memperkecilkan sumbangan anggota keselamatan

agar belajar mengenang budi dan semua rakyat Malaysia sewajarnya berterima kasih di atas jasa dan bakti mereka yang berjuang demi tanah air tercinta.

"Kenanglah ibu bapa yang meniti hari tua tanpa mereka lagi di

sisi, kenanglah isteri-isteri yang menjadi balu serta anak-anak yang kehilangan belai manja bapanya.

"Kepada mereka kita berjanji bahawa negara ini akan sentiasa memulakan bakti serta pengorbanan tersebut," katanva.

Najib menjelaskan, kejayaan yang dicapai negara hari ini tidak mungkin tercipta tanpa keselamatan dan kestabilan yang dihasilkan oleh Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi keselamatan negara.